

18/12/1998

Asean serius adakan Unit Mata Wang

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Khamis - Asean akan mengkaji cadangan untuk membentuk Unit Mata Wangnya sendiri yang boleh digunakan dalam urusan perdagangan antara negara anggota.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketua negara dan kerajaan yang hadir pada Sidang Kemuncak Asean Ke-6 berakhir di sini semalam, turut berbincang mengenai penubuhan Unit Mata Wang Asean (ACU) secara serius.

"Ada perbincangan mengenai perkara ini dan kami menerima hakikat ia akan mengambil masa yang lama.

"Bagaimanapun, idea untuk menubuhkan ACU ini patut dikaji dengan teliti kerana ia akhirnya dapat merealisasikan cadangan untuk membentuk mata wang Asean," katanya sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Antara keputusan dicapai di mesyuarat dua hari itu ialah membentuk `sistem mata wang dan kadar pertukaran' yang boleh memastikan mata wang Asean stabil antara satu sama lain.

Buat sementara waktu, pelabur Asean digalakkan menggunakan mata wang antara satu sama lain dalam membiayai sebarang projek yang dijalankan.

Langkah itu adalah sebahagian daripada Pelan Tindakan Hanoi, yang menggariskan pelbagai usaha bagi mengekalkan makroekonomi dan kestabilan kewangan serantau.

Mengenai kemungkinan Yen Jepun boleh menjadi mata wang antarabangsa seperti dolar Amerika dan Euro di Eropah, Perdana Menteri berkata cadangan itu memang dilahirkan oleh Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi dalam mesyuarat dengan ketua negara Asean semalam.

"Cadangan ini juga selari dengan pendapat Malaysia yang kita perlu lebih daripada satu mata wang antarabangsa, bukan hanya memilih hanya satu seperti sekarang.

"Memang yen boleh digunakan di pasaran antarabangsa tetapi ia masih tidak digunakan sebagai mata wang untuk membayar hutang. Malahan, Malaysia masih menggunakan dolar Amerika, 70 peratus daripada perdagangan kami menggunakan mata wang itu," katanya.

Perdana Menteri yang berpuas hati dengan sidang kemuncak kali ini, mahu perjumpaan lebih kerap perlu diadakan, bukan saja pada peringkat pemimpin, tetapi pada peringkat menteri, pegawai dan pakar.

"Contohnya, sebelum mesyuarat Asem akan datang di Seoul, kumpulan Asean patut bertemu sekali untuk berbincang mengenai kedudukan kita. Dengan itu kita akan bertindak dalam suara yang satu," katanya.

Beliau turut berpuas hati dengan semua cadangan dan langkah berani yang digariskan untuk menyegerakan pemulihan ekonomi rantau ini kerana ia akan memberi faedah bukan saja kepada Asean bahkan kepada tiga rakan dialog mereka dari utara iaitu Jepun, China dan Korea Selatan.

"Dari satu segi, sidang ini lebih baik daripada Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, terutama dalam bidang membuat keputusan dan kemungkinan mengadakan tindakan susulan," katanya.

(END)